

SILAT

Wan Aminuddin belum lapor diri

19 FEB 1989

B. Minggu (M)

Oleh NOOR JAAFAR

PESILAT Terbaik Dunia, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, adalah pesilat tunggal yang belum melaporkan diri ke latihan pusat persediaan Sukan SEA peringkat kelima di Kota Bharu, yang bermula Ahad lalu.

Ini berikutan kegagalannya mendapat perlepasan cuti daripada majikannya bagi mengikuti latihan pusat dua minggu itu, yang akan berakhir pada 26 Februari ini.

Kegagalan mendapat perlepasan cuti bagi mengikuti latihan pusat itu bukan kali pertama dihadapi oleh Wan Aminuddin.

Bagaimanapun, jurulatih Pusat Cemerlang Silat Kelantan, Mohd Noor Mahmud, berkata Wan Aminuddin dijangka melapor diri selewat-lewatnya esok.

Kecuali pemenang pingat emas Kejuaraan Silat Sedunia '87 itu, kesemua 30 pesilat memulakan latihan dari pada hari pertama.

Mohd Noor meminta kerjasama majikan Wan Aminuddin agar memberi perlepasan cuti kepada jaguh silat Kelas G kebangsaan itu, demi untuk kepentingan sukan negara.

"Saya percaya tanpa sokongan majikan, kemungkinan prestasi Wan Aminuddin akan terjejas. Ini bermakna peluang negara untuk merangkul pingat emas di Sukan SEA nanti tidak terlaksana," katanya.

Daripada 30 pesilat itu, empat pesilat Sukan SEA '87 di Jakarta lalu dikekalkan. Mereka ialah Rafi Yaakob dan Ahmad Khusairi Ibrahim dari Selangor, Azam Haji Abas (Kelantan) dan Ahmad Wardi Salim dari Melaka.

Bagaimanapun, hanya 15 daripada 30 pesilat itu akan dipilih mewakili negara ke Sukan SEA nanti.

Mohd Noor berkata, setakat ini semua pelatih menunjukkan prestasi yang membanggakan sewaktu menjalani latihan di Gelanggang Majlis Belia Kelantan.

Katanya, tumpuan latihan kali ini ialah meningkatkan lagi ketahanan fizikal.

Latihan ini dikendalikan oleh enam jurulatih iaitu Sani Murni dari Kuala Lumpur, Fadzil Haji Ibrahim (Selangor), Othman Jefri (Johor), Jalil Salleh (Negeri Sembilan), Johari Ibrahim (Terengganu) dan Mohd Noor Mahmud (Kelantan).